

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (TRAGEDI PUSAT TAHFIZ)

TARIKH: 16 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 02

Bomba sedia beri kerjasama

KUALA LUMPUR - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya tragedi kebakaran Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung di sini kelmarin, mempunyai unsur jenayah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, buat masa ini pihaknya sedang menyiasat dari sudut kecuaiian serta teknikal, dan siasatan dijangka mengambil masa dua hingga tiga minggu.

"Kalau ada melibatkan elemen jenayah dan sabotaj, pihak bomba akan serah laporan kepada PDRM untuk siasatan lanjut," katanya, semalam.